



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 4/2017

Rujukan : Bil (10) dlm.MBI.B1 /12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

8 Mei 2017

Pengarah Kanan Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Pegawai Kenderaan Majlis
Penyelia Kenderaan
Majlis Bandaraya Ipoh

**DOKUMEN TAMBAHAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA BAGI PEMANDU
KENDERAAN - SALINAN BUKU LOG KENDERAAN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Bil 02/2017 yang telah diadakan pada 19 April 2017 telah memutuskan supaya semua permohonan Elaun Lebih Masa bagi Pemandu Kenderaan hendaklah menyertakan dokumen sokongan tambahan iaitu salinan Buku Log Kenderaan yang berkaitan.
3. Untuk makluman, penambahan dokumen sokongan ini bertujuan untuk memastikan Buku Log Kenderaan sentiasa **dikemaskini dan diselenggarakan dengan baik dan teratur** bagi memantapkan lagi Pengurusan Kenderaan Majlis Bandaraya Ipoh. Semua Pegawai Kenderaan yang dilantik juga perlu memastikan Buku Log Kenderaan di jabatan masing-masing disemak dan sentiasa berada di tahap yang memuaskan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan khususnya Pemandu Kenderaan perlulah melampirkan **salinan muka surat terakhir Buku Log Kenderaan bagi bulan berkaitan yang telah lengkap dikemaskini** sebelum mengemukakan Tuntutan Elaun Lebih Masa bulan tersebut ke Unit Belanja bagi memastikan **proses tuntutan lebih masa dapat dilaksanakan tanpa dikenakan kuiti**.

PAH. RWB

Fail

..12

22/5/17

ARAHAN KEWANGAN BIL. 4/2017


5. Oleh yang demikian, dipohon supaya pihak tuan/puan dapat memastikan anggota dibawah seliaan di jabatan/bahagian/unit tuan/puan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi pembaharuan yang akan dilaksanakan ini. Diharapkan dengan penambahbaikan ini dapat melancarkan lagi proses tuntutan Elaun Lebih Masa secara amnya dan khususnya **Pengurusan Kenderaan Majlis Bandaraya Ipoh**.

6. **Perlaksanaan Arahkan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA)
Setiausaha Bandaraya

"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"

Surat No
Tgl

